

CNS7921

U GB 28-12 00231 PB882

aab mes

Inggeris (Analisis Berita)

KEPUTUSAN BERSEJARAH KABINET MENGENAI BAHASA INGGERIS

Oleh AZMAN UJANG

(J)

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Jika ada berita baik di antara berita-berita sedih mengenai runtuhannya kondominium dan lebuhraya serta banjir yang melanda negara ini sejak beberapa minggu lalu, ianya tentulah pengumuman semalam mengenai subjek teknikal yang diajar di universiti-universiti akan beralih dari Bahasa Malaysia ke Bahasa Inggeris secepat mungkin.

Keputusan Kabinet yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan sahaja bersejarah, tetapi merupakan perubahan dasar yang terpenting pernah dilakukan sesekian lama.

Mengembalikan Bahasa Inggeris dalam subjek seperti kejuruteraan, perubatan dan sains sentiasa menjadi isu di Malaysia yang secara beransur-ansur beralih kepada bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di bawah Dasar Pendidikan Kebangsaan. Peralihan itu berlaku secara menyeluruh pada 1980 apabila Bahasa Malaysia menjadi bahasa pengantar sehingga ke tahap universiti.

Antara kesan jelas dari dasar menghentikan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar mulai 1971 ialah kejatuhan ketara penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar Malaysia.

Perkara ini telah menarik perhatian sejak beberapa tahun tetapi langkah-langkah yang diambil untuk memulihkan keadaan ini kelihatan tidak begitu berjaya seperti yang diharapkan. Ini disebabkan Bahasa Inggeris dijadikan hanya satu subjek dalam sistem persekolahan dan bukanlah wajib bagi pelajar untuk lulus sekiranya ingin lulus dalam peperiksaan, seperti yang diwajibkan di bawah sistem sebelumnya. -- lagi

▼28/12/17-30MST

CNS7924

U GB 28-12 00165 PB883

aab mes

Inggeris 2 Kuala Lumpur (Analisis Berita)

Ketika menjelaskan rasional di sebalik langkah itu Dr Mahathir berkata: Kita tidak boleh membiarkan keberkesanan dan keupayaan rakyat kita menjadi lebih rendah daripada rakyat negara lain." Penggunaan Bahasa Inggeris untuk mengajar subjek teknikal tidak boleh dielakkan jika Malaysia ingin terus bersaing.

Antara masalah utama sistem sekarang ialah walaupun syarahan dan tutorial di universiti-universiti dalam Bahasa Malaysia, kebanyakan buku rujukan yang digunakan adalah dalam Bahasa Inggeris.

Justeru itu, penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah juga akan menjadikan pelajar serba kekurangan dalam menimba ilmu tentang subjek teknikal.

Keadaan ini bertambah buruk dengan masalah yang sama serius kekurangan tenaga pakar untuk menterjemah buku-buku teknikal ke dalam Bahasa Malaysia. Dengan itu, adalah lebih mudah dan pragmatik untuk menguasai Bahasa Inggeris.

Aspek menterjemah memang satu perkara, tetapi walaupun sekiranya terdapat cukup penterjemah, mereka yang menimba ilmu dari buku yang diterjemahkan akan sentiasa ketinggalan kerana proses alih bahasa mengambil masa. -- lagi

▼28/12/17-32MST

aab mes

Bahasa Inggeris 3 Kuala Lumpur (Analisis Berita)

Selain dari sebab-sebab praktikal dan pragmatik untuk beralih semula kepada penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran subjek teknikal, adalah sangat logik menggunakan bahasa itu bagi mengajar subjek yang berhubungkait dengan perniagaan kerana bahasa Inggeris sememangnya bahasa terpenting dalam dunia perniagaan.

Rakyat Jepun yang begitu bangga dengan bahasa ibunda mereka pun sekarang ini mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris untuk terus maju dalam dunia korporat yang penuh saingan.

"Negara maju seperti Jepun pun sudah merasakan kekurangan apabila tidak menguasai bahasa Inggeris," bekas Naib-Canselor Universiti Malaya Dr Syed Hussein Alatas memberitahu Bernama ketika memuji keputusan Kabinet itu.

"Sebenarnya, bahasa Inggeris bukan lagi bahasa orang Inggeris tetapi sudah menjadi bahasa yang merapatkan dunia Islam," katanya.

Dalam pasaran pekerjaan yang semakin bersaing ekoran pertumbuhan ekonomi Malaysia yang pesat, bahasa Inggeris menjadi faktor yang memberi kelebihan kepada seseorang. Seseorang yang mempunyai penguasaan bahasa Inggeris di Malaysia mempunyai peluang lebih cerah mendapatkan pekerjaan berbanding dengan yang tidak. -- lagi

▼28/12/17-50MST

R GB 28-12 00186 PB885

aab mes

Inggeris 4 Kuala Lumpur (Analisis Berita)

Maka itulah sebabnya banyak siswazah yang kurang menguasai bahasa Inggeris sukar untuk mendapat pekerjaan. Ini bukan isu siswazah menganggur tetapi siswazah yang tidak sesuai untuk pasaran kerja.

Perkara yang negatif dalam usaha oleh para perancang pendidikan negara untuk memberi penekanan yang lebih terhadap bahasa Inggeris dalam sistem sekolah selama ini ialah ia selalu dijadikan isu politik oleh sesetengah pihak.

Mereka yang mempertikaikan langkah itu kerap memperkecilkan bahasa itu sebagai bahasa penjajah dan sebaliknya membangkitkan soal identiti dan maruah negara. Ini adalah malang kerana perbahasan dan polemik mengenainya menenggelami soal bahasa Inggeris sebagai sebagai antarabangsa utama dan sebagai senjata penting untuk menimba ilmu pengetahuan.

Sesiapa saja di kalangan lebih 30,000 pelajar Malaysia di seberang laut juga tanpa ragu-ragu bersetuju bahawa mereka yang lemah dalam bahasa Inggeris sukar mencatat kemajuan dalam pengajian masing-masing. Malah berjuta-juta ringgit telah dilaburkan supaya para pelajar menguasai bahasa itu sebelum mereka dihantar ke seberang laut.

Juga kadar mereka yang gagal mendapat ijazah kerana lemah dalam bahasa Inggeris di universiti-universiti luar negeri adalah tinggi.--Lagi

▼28/12/17-56MST

CNS7997

U GB 28-12 00191 PB887

aab mes

ULANGAN PEMBETULAN

Inggeris 5 Kuala Lumpur (Analisis Berita)

Satu kajian yang dijalankan di kalangan pelajar Malaysia di Amerika Syarikat beberapa tahun dulu menunjukkan bahawa lebih 90 peratus daripada mereka belajar di universiti yang bertaraf nombor ke-26 ke bawah. Hanya segelintir saja yang diterima masuk ke universiti terkemuka.

Keputusan Kabinet itu juga harus dipuji kerana langkah yang sedang diambil ke arah mereformasikan sistem pendidikan negara bertujuan mempertingkatkan kualiti pendidikan tidak akan berkesan jika bahasa Inggeris terus diabaikan.

Para pelajar Bumiputera, terutama yang berbangsa Melayu, pada amnya agak lemah dalam bahasa Inggeris berbanding yang bukan Melayu yang lebih selesa dengan bahasa berkenaan dan menguasainya dengan lebih baik walaupun mereka juga adalah produk sistem pendidikan yang sama dengan para pelajar Melayu.

Jika pelajar Melayu tidak mahu terus ketinggalan, mereka tidak ada pilihan lain kecuali berusaha lebih serius menguasai bahasa Inggeris serta mengikis sikap malu mereka untuk bertutur dalam bahasa itu, sebagai langkah permulaan.

Penggunaan bahasa Inggeris di Malaysia juga harus tidak dipolitikkan sekiranya negara mahu mencapai standard yang tinggi ke arah menjadi negara maju menjelang tahun 2020. --Lagi

▼28/12/18-14MST

CNS8010

U GB 28-12 00094 PB888

aab mes

Inggeris 6 (akhir) Kuala Lumpur (Analisis Berita)

Kabinet telah mengorak langkah berani yang besar ertinya ke arah mengembalikan kualiti dan kecemerlangan dalam sistem pendidikan negara.

Sudah lazim kita dengar cakap-cakap mengenai universiti-universiti tempatan kini menghasilkan siswazah yang "cukup makan" saja.

Soal kedaulatan bahasa kebangsaan terjejas ekoran langkah itu tidak timbul sama sekali.

Seperti kata Dr Mahathir: " Jika rakyat negara ini sudah menjadi bangsa yang berjaya ia dengan sendirinya akan meletakkan bahasa Malaysia sebagai bahasa dihormati dan berjaya." --Bernama

AU